KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	-			

HM 14.1.2022_20

Tiada kaitan pembalakan

Seremban: Kejadian tanah runtuh yang berlaku di beberapa lokasi di Negeri Sembilan ketika banjir besar baru-baru ini, sehingga menghanyutkan kediaman penduduk tiada kaitan dengan kegiatan pembalakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tiada aktiviti pembalakan berlaku di kawasan runtuhan berkenaan.

"Kita boleh lihat kawasan runtuhan itu tiada aktiviti pembalakan. Boleh datang untuk melihat keadaan sebenar dan jelas pembalakan tiada di kawasan berkenaan.

"Jadi tiada kena mengena aktiviti pembalakan dengan runtuhan yang berlaku. Kadangkala ada laporan terutama gambar (runtuhan) mengaitkan dengan Negeri Sembilan.

"Semua orang tahu apa yang berlaku di Negeri Sembilan dan kayu hanyut yang ditemui itu adalah kayu reput.

"Ada pihak menyiarkan gambar di sebuah rumah penduduk (dipercayai di Jelebu) dan saya sifatkan itu kerja individu nakal kerana jelas tiada pembalakan di lokasi kejadian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Wisma Negeri di sini, semalam.